

CNS3850.

U GB 17-02 00179 BH897

aab

Mahathir-pasaran

MAHATHIR MINTA NEGARA MEMBANGUN BUKA PASARAN

Daripada Amin Hussaini Harun

I

KARACHI, 17 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta negara-negara membangun melonggarkan syarat dan peraturan pasaran untuk membolehkan mereka menikmati kemasukan lebih banyak perdagangan dan pelaburan.

Perdana Menteri berkata usaha dan pengalaman Malaysia telah menghasilkan kemasukan perdagangan dan pelaburan yang bertambah selain membawa kemajuan di bidang teknologi dan tahap kecekapan dan pengeluaran yang tinggi.

Dengan dasar yang liberal, negara-negara membangun akan membuka ruang kepada pasaran lebih besar di Selatan, dan membolehkan mereka membekal dan menerima banyak produk daripada bahan mentah hingga ke hasil pekilangan berteknologi tinggi.

Ketika berucap pada majlis rakan tengah hari yang dihadiri usahawan Malaysia dan Pakistan sempena lawatan rasminya ke negara ini, Dr Mahathir berkata negara-negara Selatan telah berusaha secara sendirian dan berkumpulan untuk meningkatkan perdagangan di kalangan mereka.

"Rangka untuk kerjasama sedemikian diperkukuhkan dengan adanya mekanisme praktikal seperti rangkaian perjanjian perdagangan dua hala, perjanjian jaminan pelaburan dan peraturan pembayaran dua hala," katanya.  
-- Lagi

♥17/02/19-14MST

CNS3879

U GB 17-02 00166 BH898

aab

Mahathir-pasaran 2 Karachi

Di peringkat pelbagai hala, Dr Mahathir berkata bahawa projek yang dilancarkan oleh G-15 (kumpulan 15 negara membangun) seperti Pusat Pertukaran Data Teknologi Pelaburan dan Perdagangan Selatan (SITTDEC) dan pengukuhan Sistem Am Kcis timewaan Perdagangan dikalangan negara membangun akan dapat menyokong usaha dua hala ke arah meningkatkan kemasukpn pelaburan dan perdagangan di Selatan.

Mengenai hubungan ekonomi Malaysia-Pakistan, beliau berkata masanya kini sesuai bagi sektor perniagaan di kedua-dua negara untuk mengambil kira perubahan-perubahan dasar bagimenambah usahasama dan hubungan komersil.

Katanya pada peringkat dewan-ke-dewan (perniagaan), usahawan kedua-dua negara mempunyai landasan yang baik iaitu Persatuan Ekonomi Malaysia-Pakistan (MAPECA) yang dibentuk oleh dewan perniagaan dan indus tri kedua-dua negara. •

"Di bawah MAPECA, kedua-dua dewan dapat menjalin hubungan kerja lebih rapat dan bagi pertukaran maklumat serta penerbitan mengenai perdagangan dan pelaburan," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berharap persatuan itu akan sentiasa berusaha mencari jalan mempelbagai dan mempertingkatkan perdagangan, pelaburan dan perkhidmatan antara kedua-dua negara. -- Lagi

▼17/02/19-36MST

CNS3904

U GB 17-02 00136 BH899

aab

Mahathir-pasaran 3 Karachi

Katanya kejayaan dalam usaha mendekatkan hubungan ekonomi antara kedua-dua negara bergantung kepada sejauh mana sektor swasta memainkan peranannya mengukuhkan jalinan ini.

Dr Mahathir juga berkata daripada pengalaman Malaysia, tidapati bahawa usahawan Malaysia mampu mempelajari dan menggunakan kepakaran seperti di bidang perlombongan, perladangan, pembinaan, pelancongan, pemprosesan dan pengilangan bahan berasaskan sumber asli.

Katanya Malaysia telah memulakan tindakan serius mempertingkatkan hubungan ekonomi dan komersil dengan negara membangun dalam usahanya untuk maju.

Dr Mahathir berkata sektor swasta Malaysia bergerak selari dengan usaha ini dan telah menjalin hubungan serta rangkaian di negara membangun yang menghasilkan aliran perdagangan dua hala.

Berhubung pelaburan, beliau berkata walaupun Malaysia masih mengharapkan pelaburan asing secara terus, kerajaan menggalakkan usahawan Malaysia mengadakan usahasama dan melabur di luar negara. -- Lagi

♥17/02/19-52MST

CNS3910

U GB 17-02 00135 BH900

aab

Mahathir-pasaran 4 Karachi

"Sayayakin lebih banyak usahasama akan terjalin antara kedua-dua negara kita kerana dasar industri liberal Pakistan, yang menjadi faktor penarik, dan dasar Malaysia yang menggalakkan pelaburan sebarang laut, sebagai faktor penolak, " katanya.

Pakistan kini menjadi rakan dagangan Malaysia terbesar di kalangan negara-negara benua kecil, dengan perdagangan pada 1991 berjumlah US\$438.1 juta (kira-kira RM1157 juta) dan dari tempoh Januari hingga September tahun lepas, berjumlah US\$352 juta (kira-kira RM930 juta).

Sebelum itu, Dr Mahathir menyaksikan upacara memeterai perjanjian usahasama antara Malaysia-Pakistan Venture Sdn Bhd dan Westbury Private Company untuk penubuhan kompleks minyak sawit di Pakistan.

Perjanjian ditandatangani oleh Pengerusi Felda, Raja Tan Sri Alias Mohamad dan Pengerusi Jawatankuasa Kerjasama Ekonomi Pakistan-Malaysia, Persekutuan Dewan Perniagaan dan Industri Pakistan, Mohammed Basheer Janmohammed. -- Laqi

CNS3916

U GB 17-02 00091BH901

aab

Mahathir-pasaran 5 (Akhir) Karachi

Kenyataan yang dikeluarkan selepas upacara itu menyebut bahawa syarikat itu akan menubuhkan sebuah terminal simpanan dan sebuah kilang penapis di Port Qasim.

Yang hadir pada upacara itu ialah Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman dan Presiden Dewan Perniagaan Kebangsaan Malaysia Tan Sri Wan Azmi Wan Hamzah.  
-- Bernama

♥17/02/20-12MST